

22/05/2003

Industri hotel, pelancongan terima pelbagai insentif

PUTRAJAYA: Industri perhotelan dan pelancongan yang terjejas akibat Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) menerima pelbagai insentif menerusi Pakej Strategi Baru yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Ini termasuk pemberian diskaun lima peratus daripada jumlah bil elektrik bulanan bagi pengusaha hotel dan pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel dan restoran.

Kedua-dua insentif itu berkuat kuasa antara 1 Jun hingga 31 Disember 2003. Kerajaan juga menghapuskan cukai perkhidmatan bagi 'complimentary room' yang disediakan pengusaha hotel mulai 1 Jun ini.

Bagi syarikat pelancongan, pembayaran ansuran cukai pendapatan ditangguhkan mulai 1 Jun sehingga 31 Disember, selain syarikat berkenaan dan hotel diberi pengecualian levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia bagi tempoh yang sama.

Sektor itu juga dibantu terutama dalam aspek pengurusan aliran tunai dengan kemudahan khas berjumlah RM1 bilion.

Institusi perbankan juga akan menyediakan skim penyusunan dan penjadualan semula pinjaman termasuk rumah dan kereta untuk pekerja sektor itu yang diberhentikan.

Perdana Menteri berkata langkah awal yang dilaksanakan kerajaan berjaya mencegah wabak SARS dan ia diakui sendiri oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Bagaimanapun, tanpa usaha sepenuhnya setiap individu bagi menjaga kebersihan, ancaman penyakit dan wabak tidak akan dapat diatasi," katanya.

Pada sidang media selepas pembentangan pakej itu, Dr Mahathir yang ditanya bila insentif itu menunjukkan kesan, berkata adalah sukar untuk menjangkanya kerana ia memerlukan masa bagi meyakinkan warga asing bahawa negara ini selamat dari wabak berkenaan.

"Amaran perjalanan yang dikeluarkan negara tertentu juga tidak membantu," katanya.

Kerajaan turut mengumumkan penubuhan Pusat Kawalan Penyakit (Central for Disease Control) di bawah Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) bagi membendung dan mengawal penyakit mudah berjangkit.

Dr Mahathir juga berkata, rakyat mesti menerima sistem pelupusan sampah kerana menolak sistem dan amalan yang diterima negara maju hanya akan menyulitkan usaha membersihkan persekitaran negara.

"Jika sampah terpaksa dilonggok di kawasan terbuka, ia akan meracuni air bawah tanah selain menjadi tempat untuk serangga dan kuman membiak," katanya.

